

KEFAHAMAN DAN AMALAN GURU DALAM PENGURUSAN DISIPLIN SEKOLAH: KAJIAN DI FELDA JENGKA, MARAN, PAHANG

Jamalullail Abdul Wahab
Universiti Kebangsaan Malaysia

Noraini bt Abdullah
Institut Aminuddin Baki

Norlelawati Megat Rasidin
SABK Maahad Al Yahyawiah

Shamsudin Mohamad
Jafri Bin Abu
Kementerian Pelajaran Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan guru dalam pengurusan disiplin sekolah. Kajian ini juga melihat hubungan antara tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Selain itu, kajian ini mengkaji perbezaan tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berdasarkan jantina guru. Sampel kajian terdiri daripada 120 orang guru (60 guru lelaki dan 60 guru perempuan) daripada empat buah sekolah menengah harian biasa di FELDA Jengka di daerah Maran, Pahang. Hasil kajian mendapati tahap kefahaman guru dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi. Analisis Korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Analisis Ujian-t mendapati wujud perbezaan yang signifikan antara tahap kefahaman guru lelaki

dan guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah. Tahap kefahaman guru lelaki terhadap pengurusan disiplin sekolah didapati lebih tinggi berbanding tahap kefahaman guru perempuan. Kajian ini mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara tahap amalan guru lelaki dan guru perempuan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah.

PENDAHULUAN

Disiplin adalah asas utama mekanisme pengawalan sekolah. Disiplin adalah satu elemen penting yang menjadi asas kejayaan sesebuah sekolah yang berkait rapat dengan tatatertib, tatasusila, keadaan, akhlak dan kesopanan. Disiplin sekolah yang baik, teratur dan sempurna menjamin proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan setiap aktiviti sekolah dapat dijalankan dalam suasana tenang dan selamat (Tan Sung Seng, 2005). Penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah adalah penting kerana sekolah adalah institusi formal yang paling sesuai di mana pendidikan disiplin boleh dilatih, disemai dan dipupuk dalam kalangan pelajar. Latihan dan sikap yang ingin dikembangkan dalam diri pelajar bukan semata-mata kerana adanya peraturan sebaliknya peraturan mewujudkan nilai-nilai positif yang perlu disuburkan. Disiplin juga dapat mendidik masyarakat supaya menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara yang sedang membangun (Abdullah Sani, 2006).

Dalam organisasi sekolah, pengurusan disiplin pelajar yang dianggotai oleh semua guru perlu dikendalikan dengan cekap untuk mencorakkan disiplin sekolah yang baik dan berkesan. Sistem pengurusan disiplin yang baik perlu diwujudkan oleh pihak pentadbiran sekolah berpandukan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Semua guru perlu memahami seterusnya menguatkuasakan peraturan disiplin yang telah ditetapkan. Guru juga harus menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam menguatkuasakan peraturan disiplin sekolah. Selain itu, guru juga wajar mempunyai kemahiran menangani masalah disiplin pelajar dan bersikap profesional apabila menghadapi tekanan membabitkan masalah disiplin pelajar supaya

tindakan yang diambil tidak mengikut emosi yang akan menjejaskan profesionalisme perguruan.

PERNYATAAN MASALAH

Peningkatan pelbagai masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah kini amat membimbangkan semua pihak. Sebelum kemunculan dunia globalisasi, masalah disiplin adalah dalam bentuk ponteng kelas, melawan guru, merokok, mencuri dan bergaduh, tetapi kini kes-kes salah laku pelajar semakin serius yang turut membabitkan jenayah seperti kegiatan kongsi gelap, lumba motosikal haram, peras ugut, rogol dan bunuh. Ini terbukti dengan kejadian seorang pelajar di sebuah Sekolah Menengah Agama di Negeri Sembilan meninggal dunia kerana dipukul dengan teruk oleh beberapa orang pelajar senior di asrama sekolah tersebut (Utusan Melayu, 23 Januari 2005). Seorang pelajar tingkatan dua meninggal dunia kerana dipukul dengan teruk oleh rakan sekolahnya sehingga mencederakan organ dalamnya (The Star, 12 Julai 2005). Pada 7 April 2004, polis telah menyenaraihitamkan 200 buah sekolah berikutan penglibatan 100 000 pelajar dengan pelbagai kes disiplin termasuk jenayah (Utusan Malaysia, 8 April 2004). Sekolah-sekolah ini terdiri daripada pelbagai aliran termasuk sekolah rendah, menengah, sekolah berasrama penuh, sekolah agama dan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC). Laporan akhbar di atas jelas membuktikan masalah disiplin dalam kalangan pelajar kini semakin membimbangkan.

Di kawasan Felda, antara masalah disiplin yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah ialah merokok, ponteng sekolah, peras ugut, vandalisme dan sebagainya (KPM, 2004). Situasi begini menimbulkan beberapa persoalan berkaitan dengan mengapa pelajar di Felda melibatkan diri dalam kegiatan negatif yang menggugat kesejahteraan sosial. Millman (1980) dalam Alias Abdul Samad (1999) menyatakan antara kecenderungan yang menggalakkan gejala salah laku pelajar ialah kerana mereka tinggal di luar bandar, kumpulan minoriti, keluarga yang berpendapatan rendah, pekerjaan ibu bapa yang tidak tetap dan ibu bapa kurang berpendidikan. Keadaan sebeginilah yang berlaku dalam kebanyakan keluarga pelajar di sekolah-sekolah kawasan Felda. Situasi ini menyebabkan guru-guru di Felda menghadapi cabaran masalah disiplin pelajar yang berbeza daripada sekolah-sekolah lain.

Masyarakat Felda berasal daripada latar belakang keluarga dan negeri yang berbeza-beza serta tidak mempunyai pertalian persaudaraan antara satu sama lain. Oleh itu pelajar-pelajar di Felda tidak takut dengan masyarakat di sekeliling mereka. Ini menyebabkan mereka tidak ragu-ragu melakukan kesalahan disiplin. Guru-guru di Felda menghadapi tugas berat dalam mendidik pelajar-pelajar di kawasan Felda kerana keadaan disiplin pelajar dipengaruhi oleh persekitaran tempat tinggal mereka.

Untuk membendung masalah disiplin pelajar daripada terus merebak, penguatkuasaan peraturan disiplin yang berkesan amat perlu. Komitmen pihak pentadbiran sekolah, guru-guru, pelajar-pelajar dan masyarakat amat penting untuk merealisasikan penguatkuasaan disiplin yang berjaya di sekolah. Beberapa kajian menunjukkan bahawa kekerapan kejayaan sesebuah sekolah adalah berpunca daripada peraturan yang dilaksanakan dengan teliti, secara terbuka, dinyatakan dengan jelas, penguatkuasaan yang tegas, konsisten dan sesuai dengan semua pelajar (Ibrahim Saad, 1986). Oleh itu guru sebagai golongan yang paling hampir dengan pelajar di sekolah perlu faham dan mahir mengenai penguatkuasaan peraturan disiplin yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan sekolah masing-masing. Guru hendaklah memainkan peranan mereka mengawal, mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan peraturan disiplin di sekolah untuk memastikan pelajar-pelajar sentiasa mematuhi peraturan disiplin yang ditetapkan seterusnya membentuk mereka menjadi warga negara yang berakhlak mulia.

Terdapat laporan mengatakan pihak sekolah telah mengenakan tindakan dan hukuman yang keterlaluan di atas kesalahan disiplin para pelajar yang terlibat. Keadaan ini boleh menjejaskan maruah dan reputasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 1995). Dalam beberapa keadaan, guru-guru sendiri dianggap menjadi penyebab kepada kelakuan tidak baik pelajar (Abdullah Sani, 2006). Dalam menangani masalah disiplin pelajar, tidak dapat dinafikan ada guru yang ada kalanya hilang pertimbangan dan melakukan hukuman melampaui batasan serta norma sewajarnya sebagai seorang pendidik seperti menampar, menumbuk dan mencubit pelajar yang melakukan kesalahan disiplin. Guru-guru seperti



ini tidak menyumbang kepada pembentukan dan pengawalan tatatertib yang baik dalam kalangan pelajar. Golongan guru sebegini walaupun jumlahnya mungkin terlalu kecil, tetapi jelas mencalar seluruh institusi pendidikan. Ini dapat dilihat pada beberapa tajuk dalam akhbar tempatan seperti berikut:

- i) Pelajar Dakwa Dirotan Guru 20 Kali (Utusan Malaysia, 23 Julai 2007)
- ii) Murid Dakwa Disebat Tidak Bersihkan Kelas (Utusan Malaysia, 22 Julai 2007)
- iii) Muka Senget Ditampar Guru (Harian Metro, 28 Jun 2007)
- iv) Ustaz Tendang Pinggang (Harian Metro, 8 April 2007)

Berdasarkan paparan akhbar di atas, terbukti masih ada guru yang tidak memahami dengan jelas penguatkuasaan peraturan disiplin ke atas pelajar. Pelajar-pelajar sepatutnya dikenakan hukuman mengikut jenis kesalahan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu kesalahan berat, kesalahan sederhana dan kesalahan ringan (Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid), 1998). Hukuman yang boleh dikenakan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin pula telah diperuntukkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957, Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin) 1959 yang menyatakan:

Bagi maksud menjaga disiplin dalam kalangan murid-murid, guru besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat :

Dengan syarat bahawa:

- (a) hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang; dan
- (b) hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang guru atau kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan di tapak tangan atau di punggung yang berlapis dengan pakaian dan hendaklah dijalankan hanya oleh guru besar ataupun dengan kuasa nyata yang diberi olehnya dalam hal yang tertentu.

Merujuk kepada peruntukan di atas, jelas guru-guru yang menampar, menumbuk, mencubit atau menendang pelajar yang melakukan kesalahan disiplin telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari situasi ini dan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil : 7/1986 bertarikh 1 Ogos 1986 menyatakan "...ada antara pengetua dan guru besar serta guru-guru yang tidak tahu menahu dan tidak memahami kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada mereka tentang prosedur mengambil tindakan disiplin dan jenis-jenis hukuman yang boleh dikenakan."

Guru yang mengambil tindakan disiplin yang menyalahi peraturan bukan sahaja ingkar arahan Kementerian Pelajaran Malaysia, malah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. Kes pelajar memukul guru, membakar sekolah dan mencalar kereta guru adalah antara tindakan pelajar yang tidak berpuas hati terhadap hukuman yang dikenakan oleh guru. Akibatnya ada guru yang merasa keselamatan mereka terancam lantas membiarkan sahaja apa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar walaupun melanggar peraturan disiplin sekolah. Ibu bapa pula tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya hukuman yang dijalankan oleh guru ke atas anak-anak mereka adalah salah pada pandangan ibu bapa (Mohd Ismail Othman 2006). Berita guru disaman oleh ibu bapa dan dibicarakan di mahkamah kerana tidak berpuas hati dengan tindakan yang dikenakan ke atas anak mereka sering disiarkan di media massa dewasa ini. Senario ini menyumbang kepada kecenderungan guru untuk mengambil sikap tidak acuh di atas perlakuan pelajar yang melanggar peraturan disiplin.

Untuk menguatkuasakan peraturan disiplin sekolah, guru sendiri hendaklah tidak terlibat dalam sebarang masalah disiplin seperti merokok dalam kawasan sekolah, berpakaian tidak kemas, lewat ke sekolah dan sebagainya. Guru sebagai pemimpin kepada pelajar di sekolah perlu mempunyai personaliti yang baik sama ada di dalam atau di luar sekolah supaya menjadi teladan kepada pelajar. Kepimpinan melalui teladan diyakini mampu mengurangkan masalah disiplin yang semakin berleluasa dalam kalangan pelajar masa kini. Nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh guru di sekolah dapat diterapkan ke dalam jiwa pelajar. Ini dapat menyumbang ke arah mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan

pelajar. Malangnya, terdapat guru yang terlibat dengan perbuatan tidak bermoral lantas tidak menjadi contoh yang baik untuk diikuti pelajar seperti laporan akhbar berikut:

- i) Guru Mencabul Digantung Kerja 2 Bulan (Utusan Malaysia, 31 Julai 2007)
- ii) Guru Besar Dituduh Cium, Peluk Pelajar (Berita Harian, 22 Jun 2007)
- iii) Guru, Pelajar Dicekup Khalwat (Harian Metro, 21 Jun 2007)

Kejadian-kejadian yang menjatuhkan maruah warga pendidik seperti yang dilaporkan jelas menunjukkan ada sebilangan guru yang masih kurang jelas tentang peranan mereka dalam membentuk disiplin pelajar melalui teladan, bukan semata-mata dengan memberi hukuman. Ini telah menjejaskan keterampilan guru menyebabkan profesion keguruan tidak lagi dipandang mulia oleh masyarakat.

Menurut Omar Hashim (1993) pelaksanaan peraturan disiplin di sekolah-sekolah tidak menyeluruh. Ini adalah disebabkan keengganan guru melaksanakannya kerana mereka menerima reaksi yang negatif daripada ibu bapa dan pelajar. Beliau turut melibatkan Pengetua, Guru besar dan guru-guru yang tidak memahami dan menghayati kandungan buku-buku panduan dan surat-surat pekeliling yang telah dikeluarkan, walaupun telah diadakan majlis dialog dan penerangan. Selain itu, masalah disiplin yang timbul di sekolah-sekolah juga sering mendapat liputan akhbar dan berita-berita yang disiarkan itu lebih bersifat sensasi dan negatif. Perkara seperti ini melemahkan semangat pihak sekolah untuk mengenakan tindakan disiplin yang sewajarnya kepada pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan disiplin.

Ketidakseimbangan nisbah guru wanita dan lelaki yang kian meruncing di sekolah rendah dan menengah juga telah menimbulkan isu berhubung peningkatan masalah disiplin di sekolah. Bilangan guru wanita yang melebihi bilangan guru lelaki dikatakan telah menyebabkan disiplin pelajar kian merosot. Sifat wanita yang lemah-lembut menyebabkan pelajar tidak takut untuk melakukan kesalahan disiplin. Walau bagaimanapun sejauh mana kebenaran dakwaan ini masih belum dibuktikan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mendapat maklumat dan mengenal pasti tahap kefahaman dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin sekolah. Secara khususnya tujuan (objektif) kajian adalah:

- i) Mengetahui tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dari persepsi guru.
- ii) Mengetahui tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari persepsi guru.
- iii) Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah.
- iv) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berdasarkan jantina.
- v) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berdasarkan jantina.

KAEDAH KAJIAN

Kajian dijalankan menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada sampel kajian. Kaedah tinjauan sesuai untuk kajian ini kerana melibatkan saiz sampel yang agak besar iaitu 120 orang guru. Maklumat yang diperlukan diperolehi terus daripada jawapan yang dikemukakan oleh sampel dalam soal selidik.

Terdapat 19 buah sekolah menengah dalam daerah Maran. Walau bagaimanapun hanya tujuh buah sekolah menengah harian biasa dalam daerah ini terletak dalam kawasan penempatan Felda Jengka di mana majoriti pelajarinya adalah anak-anak peneroka Felda. Populasi guru untuk tujuh buah sekolah ini ialah 390 orang (PPD Maran, 2007). Oleh itu berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) dalam Chua Yan Piaw (2006) bilangan sampel yang sesuai untuk

kajian ini ialah 120 orang guru. Oleh itu pengkaji memilih secara rawak 4 buah sekolah dan memilih 30 orang guru (15 guru lelaki dan 15 guru perempuan) daripada setiap sekolah sebagai sampel. Guru-guru yang dipilih terlibat sebagai AJK Hal Ehwal Pelajar dan guru kelas. Untuk mendapatkan maklumat, kaedah soal selidik digunakan. Pengkaji menggunakan Buku Panduan Tatacara Pelaksanaan Disiplin dan Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas KPM sebagai rujukan. Soal selidik yang dijawab oleh sampel mengandungi tiga bahagian iaitu:

- Bahagian A - Latarbelakang guru (jantina, umur, tempoh pengalaman mengajar)
- Bahagian B - Kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah
- Bahagian C - Amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif yang digunakan ialah kekerapan, min, sisihan piawai dan peratusan. Manakala analisis statistik inferensi yang digunakan ialah Korelasi Pearson dan Ujian-t pada aras kesignifikanan 0.05.

HASIL KAJIAN

Latar belakang responden adalah seperti dalam Jadual 1.1 di bawah. Seramai 60 responden (50.0 %) adalah guru lelaki dan 60 responden (50.0 %) adalah guru perempuan. Dari aspek umur pula didapati 29 orang (24.2 %) berumur 30 tahun ke bawah, 56 orang (46.7 %) berumur 31 hingga 40 tahun, 33 orang (27.5 %) berumur 41 hingga 50 tahun dan hanya 2 orang (1.7 %) berumur 51 tahun ke atas.

Jadual 1.1 Maklumat Guru Mengikut Jantina dan Umur

Latar Belakang Responden		
Jantina	N	%
Lelaki	60	50.0
Perempuan	60	50.0
Jumlah	120	100.0
Umur	N	%
30 ke bawah	29	24.2
31 hingga 40	56	46.7
41 hingga 50	33	27.5
51 ke atas	2	1.7
Jumlah	120	100.0

Jadual 1.2 menunjukkan taburan guru berdasarkan pengalaman dalam perkhidmatan perguruan. Bilangan tertinggi ialah 32 orang (26.7 %) mempunyai pengalaman antara 7 hingga 11 tahun berkhidmat sebagai guru. Terdapat persamaan jumlah guru iaitu masing-masing 24 orang (20.0 %) berpengalaman selama 12 hingga 16 tahun dan melebihi 16 tahun dalam perkhidmatan perguruan. Bilangan guru yang paling sedikit ialah 16 orang (13.3 %) yang mempunyai pengalaman kurang dari 2 tahun dalam perkhidmatan perguruan.

Jadual 1.2 Maklumat Guru Berdasarkan Pengalaman Dalam Perkhidmatan Perguruan

Tempoh Perkhidmatan	N	%
Kurang 2 tahun	16	13.3
2 hingga 6 tahun	24	20.0
7 hingga 11 tahun	32	26.7
12 hingga 16 tahun	24	20.0
Lebih 16 tahun	24	20.0
Jumlah	120	100.0

Pengkaji telah mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min kepada tiga tahap. Ini dilakukan untuk mengetahui tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru terhadap penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Interpretasi skor min dibahagikan kepada tiga tahap seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.3 di bawah:

Jadual 1.3 Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Kefahaman dan Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Sekolah

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Jamil Ahmad (1993)

Skor min 1.00 hingga 2.33 menunjukkan tahap kefahaman dan amalan guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap rendah. Skor min 2.34 hingga 3.66 menunjukkan tahap kefahaman dan amalan guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap sederhana. Manakala min 3.67 hingga 5.00 menunjukkan tahap kefahaman dan amalan guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi.

Sembilan item telah digunakan untuk mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap peraturan disiplin sekolah dari persepsi guru. Jadual 1.4 di bawah menunjukkan dapatan deskriptif nilai min dan tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dari aspek peraturan disiplin sekolah. Kefahaman guru terhadap peraturan disiplin sekolah dihuraikan dalam setiap item yang diberikan. Semua item bagi kefahaman guru terhadap peraturan disiplin sekolah didapati berada pada tahap tinggi. Tahap kefahaman guru terhadap peraturan disiplin sekolah secara keseluruhan juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.15. Ini menunjukkan tahap kefahaman guru terhadap peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.4 Tahap Kefahaman Guru Terhadap Peraturan Disiplin Sekolah Dari Persepsi Guru

ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Kefahaman anda tentang penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah	4.18	0.686	Tinggi
2. Kefahaman anda tentang ganjaran dan dendaan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah	4.06	0.770	Tinggi
3. Kefahaman anda tentang tujuan hukuman dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan disiplin	4.18	0.706	Tinggi
4. Kefahaman anda tentang peraturan disiplin dari aspek kekemasan diri (cth : berambut panjang, memakai barang kemas dll)	4.19	0.626	Tinggi
5. Kefahaman anda tentang peraturan disiplin dari aspek tingkahlaku musnah (cth : merosakkan harta benda sekolah, merosakkan harta benda guru dll)	4.11	0.696	Tinggi
6. Kefahaman anda tentang peraturan disiplin dari aspek ponteng (cth: ponteng kelas, ponteng sekolah dll)	4.28	0.673	Tinggi
7. Kefahaman anda tentang peraturan disiplin dari aspek jenayah (cth : mencuri, melawan guru, membuli dll)	4.11	0.731	Tinggi
8. Kefahaman anda tentang peraturan disiplin dari aspek tidak pentingkan masa (cth: datang lewat, berkeliraran dll)	4.13	0.655	Tinggi
9. Kefahaman anda tentang peraturan disiplin dari aspek kurang sopan (cth : merokok, mengganggu P & P, biadap terhadap guru dll)	4.15	0.706	Tinggi
Kefahaman Guru Terhadap Peraturan Disiplin Sekolah (Keseluruhan)	4.15	0.584	Tinggi

Untuk mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah, enam item digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5. 4 item kefahaman guru terhadap penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi. Item-item tersebut adalah item pertama dengan nilai min 4.08, item keempat dengan nilai min 3.73, item kelima dengan nilai min 3.70 dan item keenam dengan nilai min 3.71. Manakala dua item berada pada tahap sederhana, iaitu item kedua dengan nilai min 3.67 dan item ketiga dengan nilai min 3.61. Walau bagaimanapun tahap kefahaman guru terhadap penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah secara keseluruhan masih berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.75. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman guru terhadap penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.5 Tahap Kefahaman Guru Terhadap Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Dari Persepsi Guru

ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Kefahaman anda tentang peranan dan tanggungjawab anda sebagai guru disiplin	4.08	0.693	Tinggi
2. Kefahaman anda tentang jenis-jenis kesalahan disiplin mengikut kategori berat, sederhana dan ringan	3.67	0.690	Sederhana
3. Kefahaman anda tentang jenis-jenis hukuman yang sesuai dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan disiplin mengikut kategori berat, sederhana dan ringan	3.61	0.770	Sederhana
4. Kefahaman anda tentang tatacara melaksanakan hukuman rotan terhadap pelajar	3.73	0.775	Tinggi
5. Kefahaman anda tentang tatacara melaksanakan hukuman gantung sekolah terhadap pelajar	3.70	0.774	Tinggi
6. Kefahaman anda tentang tatacara melaksanakan hukuman buang sekolah terhadap pelajar	3.71	0.793	Tinggi
Kefahaman Guru Terhadap Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah (Keseluruhan)	3.75	0.623	Tinggi

Jadual 1.6 menunjukkan tahap kefahaman guru secara keseluruhan terhadap pengurusan disiplin sekolah. Tahap kefahaman guru terhadap peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.15. Walaupun tahap kefahaman guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.75, lebih rendah berbanding tahap kefahaman guru terhadap peraturan disiplin sekolah. Secara keseluruhannya, tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.95.

Jadual 1.6 Tahap Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah Secara Keseluruhan

Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek Peraturan Disiplin Sekolah	4.15	0.584	Tinggi
Aspek Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	3.75	0.623	Tinggi
Tahap Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah Secara Keseluruhan	3.95	0.737	Tinggi

Jadual 1.7 menunjukkan tahap amalan guru dari aspek kesungguhan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Lima item digunakan untuk mengenal pasti tahap amalan guru dari aspek kesungguhan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Dapatan menunjukkan semua item bagi amalan guru dari aspek kesungguhan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi. Nilai min keseluruhan bagi tahap amalan guru dari aspek kesungguhan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah ialah 4.37. Ini menunjukkan bahawa tahap amalan guru dari aspek kesungguhan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.7 Tahap Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Dari Aspek Kesungguhan

ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Sentiasa berusaha meningkatkan tahap disiplin dalam bilik darjah dan sekolah	4.38	0.638	Tinggi
2. Sentiasa mengawal disiplin pelajar dalam bilik darjah dan sekolah	4.35	0.644	Tinggi
3. Sentiasa memberi kerjasama kepada pihak pentadbiran sekolah dan AJK Disiplin dalam menguatkuasakan peraturan disiplin	4.43	0.682	Tinggi
4. Sentiasa memberi pandangan dan cadangan kepada pihak pentadbiran dan AJK Disiplin untuk meningkatkan tahap disiplin pelajar	4.22	0.735	Tinggi
5. Sentiasa menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar sama ada melalui perbuatan atau percakapan di dalam dan di luar sekolah	4.45	0.646	Tinggi
Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Dari Aspek Kesungguhan (Keseluruhan)	4.37	0.536	Tinggi

Jadual 1.8 menunjukkan dapatan analisis tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kemampuan. 12 item digunakan untuk mengenal pasti tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kemampuan. Dapatan kajian ini menunjukkan semua item bagi amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kemampuan berada pada tahap tinggi. Nilai min keseluruhan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kemampuan juga berada pada tahap tinggi iaitu min 4.03.

Jadual 1.8 Tahap Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Dari Aspek Kemampuan

ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Sentiasa tegas dalam menguatkuasakan peraturan disiplin sekolah	4.14	0.737	Tinggi
2. Sentiasa bersedia menghadiri mesyuarat/perjumpaan untuk peningkatan disiplin pelajar	4.32	0.622	Tinggi
3. Sentiasa bersedia melibatkan diri dalam program peningkatan disiplin sekolah	4.31	0.671	Tinggi
4. Sentiasa bersedia menyelesaikan masalah disiplin pelajar tanpa mengira waktu	4.01	0.722	Tinggi
5. Sentiasa bersedia menyelesaikan masalah pelajar yang melakukan kesalahan disiplin secara tenang dan profesional	4.14	0.702	Tinggi
6. Sentiasa bersedia menasihati pelajar yang melakukan kesalahan disiplin	4.37	0.673	Tinggi
7. Sentiasa bersedia memberi peluang pelajar yang melakukan kesalahan disiplin untuk membela diri	4.19	0.652	Tinggi
8. Sentiasa bersedia menjalankan hukuman rotan apabila menerima penurunan kuasa daripada pengetua	4.12	0.724	Tinggi
9. Sentiasa mencatat kesalahan pelajar dan menyerahkannya kepada AJK Disiplin	3.98	0.767	Tinggi
10. Sentiasa melaporkan dengan segera kes-kes disiplin berat yang dilakukan oleh pelajar kepada pihak pentadbir sekolah / AJK Disiplin.	4.27	0.719	Tinggi
11. Sentiasa memberi peluang kepada pelajar yang melakukan kesalahan disiplin untuk memperbaiki tingkah lakunya	4.38	0.597	Tinggi
12. Sentiasa bersedia merujuk pelajar yang melakukan kesalahan disiplin kepada Unit Bimbingan & Kaunseling	4.23	0.645	Tinggi
Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Dari Aspek Kemampuan (Keseluruhan)	4.21	0.489	Tinggi

Jadual 1.9 menunjukkan tahap amalan guru secara keseluruhan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin. Dari aspek kesungguhan, tahap amalan guru didapati berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.37. Begitu juga dengan tahap amalan guru dari aspek kemampuan berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.21. Secara keseluruhannya tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.25.

Jadual 1.9 Tahap Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Secara Keseluruhan

Tahap Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek Kesungguhan Guru	4.37	0.536	Tinggi
Aspek Kemampuan Guru	4.21	0.489	Tinggi
Tahap Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Secara Keseluruhan	4.25	0.621	Tinggi

Jadual 2.0 menunjukkan tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.99, dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.25. Walaupun kedua-dua tahap kefahaman dan tahap amalan guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi, nilai min tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah adalah lebih tinggi berbanding tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah.

Jadual 2.0 Tahap Kefahaman dan Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Sekolah Secara Keseluruhan

Kefahaman dan Amalan Guru	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah	3.99	0.7367	Tinggi
Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	4.25	0.6215	Tinggi

Ho 1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah.

Hasil analisis dalam Jadual 2.1 menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dari aspek peraturan disiplin dengan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kesungguhan ($r = 0.215$, $\text{sig.} = 0.000 < 0.05$). Demikian juga didapati wujud hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman guru dari aspek peraturan disiplin sekolah dengan tahap amalan guru dari aspek kemampuan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah ($r = 0.201$, $\text{sig.} = 0.028 < 0.05$). Walau bagaimanapun hasil analisis mendapati tidak wujud hubungan yang signifikan antara kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dari aspek penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dengan amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kemampuan guru ($r = 0.157$, $\text{sig.} = 0.086 > 0.05$). Tetapi dapatan analisis mendapati wujud hubungan yang signifikan antara kefahaman guru dari aspek penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dengan amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kemampuan guru ($r = 0.354$, $\text{sig.} = 0.00 < 0.05$). Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah ($r = 0.284$, $\text{sig.} = 0.002 < 0.005$). Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1 Hubungan Tahap Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah Dan Tahap Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah

Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah	Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	
	Aspek Kesungguhan	Aspek Kemampuan
Aspek Peraturan Disiplin Sekolah	$r = 0.215$ (sig. = 0.000*)	$r = 0.201$ (sig. = 0.028*)
Aspek Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	$r = 0.157$ (sig. = 0.086)	$r = 0.354$ (sig. = 0.000*)
Hubungan Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah dan Amalan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah Secara Keseluruhan		$r = 0.284$ (sig. = 0.002*)

* signifikan pada aras 0.05

Hasil analisis mendapati semakin tinggi tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah, maka semakin tinggi tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Oleh itu $H_0 1$ ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dengan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah.

$H_0 2$ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah

Dari analisis Ujian-t yang dijalankan, didapati wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap kefahaman antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah dari aspek peraturan disiplin sekolah ($t = 2.159$, sig. = 0.03 < 0.05). Begitu juga didapati wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap kefahaman antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah dari aspek penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah ($t = 3.085$, sig. = 0.003 < 0.05). Dapatan Ujian-t juga menunjukkan secara keseluruhannya wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap kefahaman antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah ($t = 2.869$, sig. = 0.005 < 0.05). Dengan itu $H_0 2$ ditolak. Ini menunjukkan

terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kefahaman antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah. Dapatan dijelaskan dalam Jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2 Perbezaan Tahap Kefahaman Antara Guru Lelaki Dan Guru Perempuan Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah

Pemboleh ubah Bersandar	Jantina	Min	T	Sig
Kefahaman Guru Terhadap Peraturan Disiplin Sekolah	Lelaki	4.26	2.159	0.033*
	Perempuan	4.04		
Kefahaman Guru Terhadap Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	Lelaki	3.92	3.085	0.003*
	Perempuan	3.58		
Kefahaman Guru Terhadap Pengurusan Disiplin Sekolah Secara Keseluruhan	Lelaki	4.13	2.869	0.005*
	Perempuan	3.86		

Signifikan pada aras 0.05

Ho 3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan guru lelaki dan guru perempuan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah.

Ujian-t dijalankan bagi mengesan perbezaan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berdasarkan jantina responden. Jadual 4.13 menunjukkan dapatan Ujian-t bagi menguji Ho 3. Hasil analisis mendapati tidak wujud perbezaan tahap amalan antara guru lelaki dan guru perempuan dari aspek kesungguhan ($t = 0.231$, $\text{sig.} = 0.813 > 0.05$) dan aspek kemampuan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah ($t = 0.279$, $\text{sig.} = 0.781 > 0.05$). Secara keseluruhannya, didapati tidak wujud perbezaan tahap amalan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah ($t = 0.280$, $\text{sig.} = 0.781 > 0.05$). Nilai-nilai ini menunjukkan tiada perbezaan tahap amalan antara guru lelaki dan guru perempuan dari aspek kesungguhan, kemampuan dan amalan mereka secara keseluruhan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Oleh itu, Ho 3 diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan guru lelaki dan guru perempuan dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Dapatan dijelaskan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3 Perbezaan Tahap Amalan Antara Guru Lelaki Dan Guru Perempuan Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah

Pemboleh ubah Bersandar	Jantina	Min	T	Slg
Kesungguhan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	Lelaki Perempuan	4.38 4.35	0.237	0.813
Kemampuan Guru Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	Lelaki Perempuan	4.22 4.19	0.279	0.781
Amalan Guru Secara Keseluruhan Dalam Penguatkuasaan Peraturan Disiplin Sekolah	Lelaki Perempuan	4.26 4.24	0.279	0.781

Signifikan pada aras 0.05

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi. Guru-guru didapati memahami dengan baik aspek peraturan disiplin sekolah dan aspek penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Dapatan ini berlawanan dengan kenyataan Omar Hashim (1993) yang mengatakan guru-guru tidak memahami dan menghayati surat-surat pekeliling dan buku panduan tatacara disiplin yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian ini turut mendapati tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dari aspek kesungguhan dan kemampuan guru berada pada tahap tinggi. Dapatan ini juga tidak selari dengan hasil kajian Rahimah Hj. Ghazali (1995) yang mendapati guru-guru kadangkala tidak dapat menjalankan sepenuhnya penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah kerana terdapat beberapa kekangan dalam sistem sekolah itu sendiri.

Dapatan kajian juga menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap kefahaman antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah. Tahap kefahaman guru lelaki didapati lebih tinggi berbanding tahap kefahaman guru perempuan terhadap pengurusan disiplin sekolah. Ini bermakna guru lelaki lebih memahami pengurusan disiplin sekolah berbanding guru perempuan. Oleh itu, guru perempuan

perlu lebih mendalami aspek-aspek dalam pengurusan disiplin sekolah untuk membolehkan mereka menguatkuasakan peraturan disiplin sekolah dengan berkesan.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan tidak wujud perbezaan tahap amalan antara guru lelaki dan guru perempuan dari aspek kesungguhan dan kemampuan mereka dalam menguatkuasaan peraturan disiplin sekolah. Guru lelaki dan guru perempuan didapati sama-sama sentiasa tegas dalam menguatkuasakan peraturan disiplin sekolah, sentiasa bersedia menghadiri mesyuarat atau perjumpaan untuk peningkatan disiplin pelajar, sentiasa bersedia melibatkan diri dalam program peningkatan disiplin sekolah, sentiasa bersedia menyelesaikan masalah disiplin pelajar tanpa mengira waktu, sentiasa bersedia menyelesaikan masalah pelajar yang melakukan kesalahan disiplin secara tenang dan profesional, sentiasa bersedia menasihati pelajar yang melakukan kesalahan disiplin, sentiasa bersedia memberi peluang kepada pelajar yang melakukan kesalahan disiplin untuk membela diri, sentiasa bersedia menjalankan hukuman rotan apabila menerima penurunan kuasa daripada pengetua, sentiasa mencatat kesalahan pelajar dan menyerahkannya kepada AJK Disiplin, sentiasa melaporkan dengan segera kes-kes disiplin berat yang dilakukan oleh pelajar kepada pihak pentadbir sekolah/AJK Disiplin, sentiasa memberi peluang kepada pelajar yang melakukan kesalahan disiplin untuk memperbaiki tingkah lakunya, dan sentiasa bersedia merujuk pelajar yang melakukan kesalahan disiplin kepada Unit Bimbingan & Kaunseling.

Dapatan ini tidak selari dengan kajian Rusli Darus (1995) yang mendapati guru lelaki lebih ditakuti oleh pelajar yang ingin melanggar peraturan disiplin sehingga memungkinkan mereka membatalkan niat untuk melanggar disiplin sekolah kerana bimbang hukuman yang lebih tegas oleh guru lelaki. Dapatan ini selaras dengan arahan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Surat Pekeliling Bil. 9/1975 yang menyatakan semua guru hendaklah benar-benar memahami bahawa mereka bertanggungjawab memelihara disiplin sesebuah sekolah dan janganlah hendaknya perkara-perkara kecil pun diserahkan kepada guru besar kerana hal ini akan menjadi satu perkara biasa sahaja. Oleh itu, semua guru tanpa mengira jantina perlu sama-sama memainkan peranan mereka dalam melaksanakan menguatkuasaan peraturan disiplin sekolah

untuk memastikan sekolah sentiasa berada dalam keadaan harmoni dan selamat untuk seluruh warganya.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini secara keseluruhannya mendapati tahap kefahaman guru terhadap pengurusan disiplin sekolah dan tahap amalan guru dalam penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun kajian ini juga mendapati terdapat beberapa aspek tentang pengurusan disiplin sekolah yang masih kurang difahami oleh guru-guru. Selain memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, semua guru harus benar-benar mengetahui, memahami dan menghayati setiap aspek dalam pengurusan disiplin sekolah. Oleh sebab bidang tugas guru yang begitu meluas dan pelbagai, guru sememangnya tidak akan mampu memikul tanggungjawab yang mencabar ini tanpa kerjasama dan bantuan daripada pelbagai pihak.

Kementerian Pelajaran Malaysia terutamanya perlulah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru terutamanya dalam mendisiplinkan pelajar. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mendapatkan pandangan, idea dan cadangan guru-guru secara menyeluruh sebelum sesuatu polisi dan undang-undang tentang disiplin sekolah dibuat. Ini kerana guru-guru adalah pihak yang terlibat secara langsung dengan masalah disiplin pelajar di sekolah dan mereka lebih mengetahui masalah yang dihadapi di peringkat sekolah. Polisi dan prinsip disiplin yang dibuat hasil daripada pandangan dan idea guru-guru akan memudahkan mereka untuk memahami dan menghayati peraturan yang ditetapkan. Dengan adanya kefahaman yang baik, guru-guru akan dapat menjalankan amalan penguatkuasaan peraturan disiplin sekolah dengan lebih berkesan seterusnya mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahaya. (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Majid dan Rahil Mahyudidin. (1997). *Psikologi Pendidikan 1*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

- Abd. Rashid Bin Sarti. (2004). *Persepsi Guru Terhadap Kompetensi Pengetua Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar dan Iklim Sekolah di Negeri Selangor*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Abd. Samad. (1999). *Peranan dan Penglibatan Pengetua Dalam Mempertingkatkan Disiplin Pelajar di Sekolah Menengah Felda Daerah Tampin, N.Sembilan*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Baba. (1999). *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Atory Hussain. (1986). *Tingkah Laku Organisasi Dalam Pengurusan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arief SALLEH Rosman dan Wardah Mokhtar. (2004). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Atan Long. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azman Bin Yusof. (2000). *Peranan Pengetua Dalam Mempertingkatkan Disiplin Pelajar Mengikut Persepsi Pelajar Tingkatan Lima Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Rompin*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian. (2007). 22 Jun.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Geetha a/p Arunasalam. (2006). *Pelaksanaan Program Sistem Penalti Di Sekolah Dari Perspektif Guru dan Pelajar*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Harian Metro. (2007). 28 Jun.

Harian Metro. (2007). 21 Jun.

Harian Metro. (2007). 8 April.

Ibrahim bin Ahmad Bajunid. (2003). Mekanisme dan kriteria pemilihan bakal guru. *Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan Guru Kebangsaan 2003*. Kuching, Sarawak, 17-19 Ogos.

Ibrahim Saad. (1983). *Masalah Disiplin : Dari Rumah Ke Sekolah*. Kuala Lumpur: Adabi Publishing Sdn. Bhd.

Ibrahim Saad. (1986). *Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jamaliah Abdul Hamid dan Norhashimah Ismail. (2005). *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan-Teori, Polisi dan Pelaksanaan*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Jamil Ahmad (1993). Tinjauan Tentang Kekangan-Kekangan Dalam Pelaksanaan Sains KBSM di Sekolah-Sekolah Menengah di Negeri Kedah Darul Aman. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Johari Bin Hashim .(1999). Satu Kajian Terhadap Aplikasi Sistem Poin dan Bonus Dalam Peraturan Sekolah di SM Teknik Bukit Piatu, Melaka. Projek Penyelidikan, Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarrudin Jusoh (5 April 1997). Keluhan Bekas Guru Disiplin MASSA.

Kamus Dewan. (2003). Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (1986). Langkah-langkah Keberkesanan Disiplin Di Sekolah : Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7.

- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2004). *Laporan Kajian Masalah Sosial Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Rancangan Tanah FELDA*. Kuala Lumpur : BPPDP.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (1996). Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman Di Sekolah. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (1995). Tatacara Mengenakan Tindakan dan hukuman Terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (1988). *Buku Panduan Tatacara Disiplin Untuk Guru Besar dan Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (1981). *Panduan Am Disiplin Di Sekolah-Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lewis, Ramon. (1997). *The Discipline Dilemma*. Victoria: The Australian Council for Educational Research Ltd.
- Mad Rosli Bin Hussein. (2005). Persepsi Guru Terhadap Peranan, Kesanggupan dan Tanggungjawab Mereka Dalam Disiplin Dan Penguatkuasaannya : Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Keratong. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Michael H. Jessup and Margaret A. Kiley. (1971). *Discipline: Positive Attitudes for Learning*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Mohd Ismail Othman. (2006). *Menangani Disiplin Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.